

05/04/2002

Malaysia kaji tindakan jika Singapura terus tambak laut

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia terpaksa menimbang tindakan selanjutnya jika Singapura mengambil pendirian meneruskan penambakan laut di perairan Selat Tebrau, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sambil menyatakan Malaysia sudah melakukan apa yang perlu bagi menyelesaikan isu itu dengan baik, beliau berkata, semuanya kini terpulang kepada Singapura untuk menimbang kebimbangan Malaysia mengenai kesan buruk akibat penambakan laut itu.

"Kita terpaksa membuat penilaian mengenai langkah selanjutnya yang perlu diambil dan perkara yang perlu dilakukan.

"Jika mereka sudah mengambil pendirian tertentu, maka kita perlu memikirkan apa yang perlu kita lakukan," katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia dan Brunei Ketiga di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas sikap Singapura yang terus berdolak dalik mengenai isu penambakan laut itu berikutan kenyataan berbeza pemimpin republik itu berhubung perkara berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, ketika lawatannya ke Malaysia bulan lalu memberi jaminan republik itu akan menimbang kebimbangan dan bantahan Malaysia berhubung isu penambakan laut itu.

Bagaimanapun, Menteri Pembangunan Negara Singapura, Mah Bow Tan, memberitahu Parlimen republik itu bahawa Singapura akan terus menambak laut, walaupun menerima rungutan Malaysia.

Jumaat lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengulas kenyataan Mah, membidas Singapura kerana keengganan republik itu bertolak ansur dengan terus menambak lautnya di Selat Tebrau hingga menjejaskan perairan yang dikongsi bersama Malaysia.

"Kalau Singapura nak kita kerjasama dengan dia, dia mesti bekerjasama dengan kita. Kalau dia buat ikut suka hati dia, kita pun boleh buat ikut suka hati kita juga... ini tak baik," kata Perdana Menteri yang mahu Singapura bekerjasama dengan Malaysia bagi menyelesaikan isu itu.

Tanpa menyatakan bentuk tindakan yang akan diambil Malaysia, Syed Hamid berkata kerjasama bagi menyelesaikan permasalahan itu tidak mungkin tercapai jika satu pihak enggan mendengar pandangan pihak lain.

Katanya, kerjasama memerlukan kesanggupan kedua-dua pihak untuk mendengar dan duduk berbincang bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan.

"Anda tidak boleh berbicara soal kerjasama jika anda tidak sanggup untuk mendengar," katanya.

Ditanya apakah yang Malaysia ingin Singapura lakukan berhubung perkara itu, Syed Hamid berkata Malaysia tidak boleh mengarahkan Singapura melakukan sesuatu, tetapi sekadar menyatakan bagaimana sesuatu permasalahan itu patut diselesaikan.

Katanya, sebagai negara berjiran yang berkongsi perairan bersama, Malaysia sentiasa memastikan sebarang tindakannya tidak menyusahkan atau memudaratkan negara jiran lain.

"Itu pegangan, budaya dan amalan kita dalam dunia diplomasi, tetapi kita tidak mengharapkan orang mengikut amalan baik yang kita ada... kita cuma mahu mereka mengamalkan sifat kejiranan yang baik," katanya

Mengenai isu berbangkit lain yang sebelum ini sudah dipersetujui untuk diselesaikan secara pakej, Syed Hamid berkata Malaysia masih menunggu Singapura menetapkan tarikh bagi merundingkannya.

"Apa saja isu yang boleh diselesaikan akan diselesaikan manakala yang

tidak boleh diselesaikan akan kekal sebagai isu berbangkit, tetapi itu tidak seharusnya menjejaskan hubungan kita," katanya.

(END)